



BERITA

No: 5

Kemalangan Meningkat Tetapi Kematian Berkurang pada 2008

19 Februari 2009 (New York) – Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) mengumumkan tahap prestasi keselamatan penerbangan bagi tahun 2008. Jumlah keseluruhan kematian akibat kemalangan penerbangan menurun dari sejumlah 692 pada 2007 kepada 502 pada 2008. Ianya menunjukkan peningkatan positif sebanyak 56% dari purata sebanyak 0.23 kematian kepada 0.13 kematian bagi setiap sejuta penumpang.

Kadar kemalangan global pula (diukur mengikut kadar kehilangan rangka badan pesawat jet buatan Negara barat) berada pada kedudukan 0.81 – atau satu kemalangan bagi setiap 1.2 juta penerbangan. Ini menunjukkan sedikit kemerosotan berbanding 2007 dimana kadar kemalangan berada pada 0.75 – atau satu kemalangan bagi setiap 1.3 juta penerbangan.

Terdapat sejumlah 109 kemalangan pada 2008 berbanding hanya 100 pada 2007. Bilangan kemalangan maut meningkat dari 20 pada 2007 kepada 23 pada 2008.

Syarikat penerbangan yang merupakan ahli IATA telah berjaya mengatasi prestasi industri penerbangan dari segi keselamatan. Dengan hanya 33 kemalangan, ahli IATA berjaya mengurangkan kadar kemalangan dari sebanyak 0.68 pada 2007 kepada 0.52 pada 2008. Ini bersamaan dengan hanya satu kejadian kemalangan bagi setiap 1.9 juta penerbangan.

“Keselamatan merupakan keutamaan nombor satu di dalam industri ini. Perangkaan yang ditunjukkan pada hari ini membuktikan bahawa mengembara melalui jalan udara merupakan kaedah yang paling selamat bagi setiap orang,” kata Giovanni Bisignani, Ketua Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif IATA.

Audit Keselamatan Operasi IATA (IOSA) merupakan standard global industri bagi pengurusan keselamatan penerbangan. Bermula 1 Januari 2009, IOSA akan menjadi prasyarat wajib bagi keahlian IATA. Terkini, sebanyak 204 ahli syarikat penerbangan IATA merupakan sebahagian dari 282 syarikat pesawat pengangkutan yang berdaftar dengan IOSA (www.iata.org/registry). Sebanyak 21 lagi ahli syarikat penerbangan IATA pula sedang menjalani pemeriksaan pengawalan kualiti. Syarikat penerbangan yang tidak lulus proses kawalan kualiti menjelang 31 Mac 2009 akan di tamatkan keahliannya.

“IATA merupakan persatuan yang berkualiti. Dan keunggulan bagi kualiti tersebut ialah keselamatan. Kami pastinya akan bertegas ketika menegakkan standard IOSA, yang diperakui oleh kerajaan di seluruh dunia, matlamat kami adalah untuk meningkatkan tahap keselamatan melalui standard global yang telus dan memastikan pendaftaran kesemua ahli kami,” kata Bisignani.

Terdapat perbezaan kadar kemalangan yang amat ketara mengikut rantau

Asia Utara mempunyai rekod cemerlang kemalangan sifar pada 2008. **Amerika Utara** (0.58), **Eropah** (0.42) dan **Asia Pasifik** (0.58) kesemuanya menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding purata global.

Afrika mempunyai kadar kemalangan sebanyak 2.6 kali lebih teruk berbanding purata kemalangan global (2.12). Namun demikian, ianya tetap menunjukkan trend peningkatan positif yang besar setiap tahun. Pada 2005 contohnya, kadar kemalangan Afrika paling teruk di dunia iaitu sebanyak 9.21. Terdapat sebuah kerangka pesawat jet buatan barat yang musnah di tangan syarikat pengangkutan Afrika pada 2008.

Russia dan CIS mempunyai kadar kemalangan yang paling teruk di dunia sebanyak 6.43 (7.9 kali lebih teruk dari purata global). Bilangan pesawat barat yang beroperasi di rantau ini amat sedikit bermakna walaupun bilangan kemalangan yang kecil akan menggugat peratusannya. Pada 2005 dan 2007 tiada kemalangan yang dilaporkan di rantau tersebut. Pada 2006 dua kemalangan telah memacu kadar kehilangan rangka badan pesawat kepada kadar 8.6. Pada tahun lepas terdapat tiga kerangka badan buatan barat yang musnah di tangan syarikat pengangkutan Russia/CIS.

Amerika Latin dan negara-negara Karibbean mempunyai kadar kehilangan rangka badan pesawat sebanyak 2.55 (3.1 kali lebih teruk dari purata global). Syarikat pengangkutan rantau ini bertanggungjawab kepada kehilangan sebanyak lima kerangka badan pada 2008. Menangani isu infrastruktur akan kekal sebagai satu keutamaan.

Timur Tengah dan Afrika Utara menyaksikan kadar kemalangan yang bertambah teruk pada 2008 dengan kadar sebanyak 1.89 melalui dua kemalangan yang melibatkan syarikat pengangkutan dari rantau ini.

Tiga isu muncul pada 2008 sebagai penyumbang utama kepada kemalangan udara:

- Penyimpangan landasan menyumbang sebanyak 25% dari jumlah keseluruhan kemalangan pada 2008. IATA akan melancarkan Kit Keselamatan Landasan pada 2009 yang telah dihasilkan bersama Yayasan Keselamatan Penerbangan. Kit ini juga akan digabungkan bersama data keselamatan IATA yang meluas melalui Pusat Maklumat Keselamatan Global IATA yang akan dilancarkan lewat tahun ini.
- Kerosakkan dari lapangan juga menyumbang sebanyak 17% dari keseluruhan kemalangan pada 2008. Bagi memperbaiki keselamatan dan memerangi kos tahunan industri sebanyak US\$4 billion ini, IATA telah melancarkan Audit Keselamatan Operasi Bumi (ISAGO). Ianya merupakan standard keselamatan global yang pertama di dunia bagi operasi di bumi. Sejumlah 80 audit telah disasarkan untuk disempurnakan tahun ini.
- Sejumlah 30% dari keseluruhan kemalangan pada 2008 disumbangkan akibat kelalaian pada peringkat pengurusan keselamatan. IATA telah menerapkan keperluan bagi Sistem Pengurusan Keselamatan (SMS) kepada Audit Keselamatan Operasi IATA (IOSA) dan bekerjasama dengan syarikat pengangkutan pada peringkat individu dan serantau bagi memastikan perlaksanaannya secara berkesan.

Kesemua inisiatif ini adalah seiring dengan Program Keselamatan Enam Teras IATA yang tertumpu kepada (1) keselamatan infrastruktur, (2) analisa dan pengurusan data keselamatan, (3) operasi, (4) sistem pengurusan keselamatan, (5) penyelenggaraan dan (6) audit.

“Rekod keselamatan kami amat mengagumkan. Tetapi kemalangan di Buffalo minggu lepas dan kesemua 502 kematian akibat penerbangan udara pada 2008 merupakan tragedi kemanusiaan yang memberi peringkatan kepada syarikat penerbangan, pentadbir dan juga rakan industri ini dimana sahaja mereka berada bahawa keselamatan adalah cabaran yang sentiasa wujud dan kita harus berusaha dengan lebih baik lagi. Matlamat kita adalah kemalangan sifar, dan kematian sifar. Tiada keputusan selainnya yang akan diterima,” kata Bisignani.

- IATA -

Hubungi:

Albert Tjoeng
Manager

Corporate Communications
Asia Pacific

Tel : +65 64992286 / +65 91723767

Email : tjoenga@iata.org

Nota untuk Editor:

- IATA (International Air Transport Association) mewakili sebahagian 230 syarikat penerbangan yang merangkumi 93% dari jadual lalu lintas penerbangan antarabangsa.
- Kehilangan kerangka badan merupakan kemalangan dimana pesawat musnah keseluruhannya atau sebahagiannya dan tidak akan dibaik pulih diatas pelbagai sebab termasuklah keputusan yang dibuat oleh pemilik diatas sebab kewangan. IATA memantau dan merekodkan kehilangan kerangka badan pesawat yang melibatkan pesawat jet buatan Negara barat (contohnya: tidak termasuk pesawat *turboprop* dan pesawat jet buatan timur)
- IOSA telah diperkenalkan pada 2003 sebagai standard industri global pertama bagi audit keselamatan operasi syarikat penerbangan. Ianya memperbaiki tahap keselamatan dan mengurangkan bilangan audit yang dijalankan.
- Standard audit IOSA dibangunkan hasil usahasama dengan badan regulatori termasuk *US Federal Aviation Administration (FAA)*, *Civil Aviation Safety Authority Australia*, *Transport Canada*, *Europe's Joint Aviation Authority*.
- IATA bertanggungjawab terhadap pensijilan audit IOSA dan latihan organisasi, sentiasa membangunkan standard yang baru dan mencadangkan kaedah kerja serta menguruskan pusat data.
- IATA mempromosikan penggunaan program pengawalan keselamatan kebangsaan IOSA:
 - Brazil, Chile, Costa Rica, Mesir, Madagascar, Mexico, Panama dan Turki, telah memandatkan IOSA
- IOSA berdaftar dibawah ISO 9001:2000
- IOSA merupakan prasyarat keahlian IATA
- Sebarang syarikat penerbangan yang ingin menyertai IATA mestilah memenuhi IOSA terlebih dahulu
- IATA membiayai IOSA untuk ahli-ahlinya